

TARIKH	25 / 06 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	II	RUANGAN	

## Majlis atasi kes umrah ditubuh

KUALA LUMPUR - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan mengetuai Majlis Kawal Selia Umrah yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menangani kes penipuan paket umrah di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, kementerian akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan lain antaranya Tribunal Tuntutan Pengguna bagi menangani isu berkenaan.

"Kita akan tengok mana-mana agensi lain yang perlu ada di bawah majlis itu kita akan panggil sekali untuk bermesyuarat minggu depan.

"Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) juga akan dijemput sama," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera Malaysia (Bumitra) semalam.

Menurutnya, kerajaan menerusi kementerian komited dan merangka strategi bagi menangani isu berkenaan terutamanya kerana ia membabitkan soal agama.

Bagi mengurangkan kes penipuan, beliau berkata, kementerian bercadang memperkenalkan lesen khas atau 'sub license' bagi syarikat pelancongan yang ingin menawarkan paket umrah.

Katanya, perkara itu bagaimanapun memerlukan pindaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.- Bernama